

06 MAY 2002

MAHATHIR-TEMPOH/I

TEMPOH JAWATAN PM TIDAK TERHAD KEPADA JANGKA MASA TERTENTU

KUALA LUMPUR, 6 Mei (Bernama) -- Tempoh perkhidmatan seseorang presiden atau perdana menteri tidak harus terhad kepada sesuatu jangka masa tertentu kerana ini akan menjadikannya kurang berkesan dalam menguruskan sesebuah negara, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Misalnya, katanya jika seseorang presiden itu dihadkan kepada tempoh dua tahun, beliau akan menghabiskan tahun pertama menetapkan kedudukan, tahun kedua mengenali masalah-masalah dan tahun ketiga, beliau akan tamat.

Begitu juga, jika seseorang presiden dibenarkan memegang jawatan selama dua penggal sahaja, Dr Mahathir berkata menjelang penggal kedua, orang itu akan dianggap sebagai "itik tempang".

"Tiada sesiapa akan mengikutinya kerana beliau sedang menuju penghujung perkhidmatannya. Anda tunggu presiden berikutnya," beliau memberitahu Mesyuarat Agung Antarabangsa ke-35 Majlis Ekonomi Lembangan Pasifik di sini.

Diminta menjelaskan laporan yang beliau tidak akan menjadi perdana menteri semumur hidup, Dr Mahathir, yang bercakap semasa sesi soal-jawab, berkata pada akhirnya tiada sesuatupun akan dilakukan.

"Itulah sebabnya kenapa saya memerlukan 21 tahun," beliau berkata sambil berseloroh, disambut dengan ketawa dan tepukan para hadirin.

"Katakanlah saya mati sekarang, saya akan digolongkan sebagai seorang yang menjadi Perdana Menteri seumur hidup," katanya sekali lagi menyebabkan sekali lagi gelak ketawa dan tepukan hadirin. -- BERNAMA

MAD KTC OS